


Headline	Pemodenan Lesen Perniagaan semua PBT		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	01 Dec 2016	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	45	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	200 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,606
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,818



# Pemodenan Lesen Perniagaan semua PBT

Oleh **SHARIFAH HAZIRAH SYED JUFFERI**

pengarang@utusan.com.my

■ **KUANTAN 30 NOV.**

**P**ROGRAM Pemodenan Lesen Perniagaan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) akan dilaksanakan sepenuhnya di seluruh negara sebelum berakhirnya pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11).

Timbalan Ketua Pengarah Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), Datuk Abdul Latif Abu Seman berkata, lima PBT telah melaksanakan program berkenaan iaitu di Pahang, Perak, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Johor.

Beliau berkata, pelaksanaan itu membuka ruang lebih luas kepada aktiviti perniagaan dalam kalangan masyarakat untuk menambah

pendapatan sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

“Peraturan terdahulu banyak menyekat peluang peniaga kecil namun menerusi program ini kita dapat mempercepatkan proses kelulusan, menambah baik prosedur perniagaan serta mengurangkan kos penyampaian perkhidmatan.

“Diharap usaha ini dapat

menyeragamkan dan mengintegrasikan lesen-lesen perniagaan untuk menarik lebih ramai pelabur ke negeri ini seterusnya memacu pembangunan ekonomi selaras dengan matlamat Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER),” katanya ketika berucap merasmikan Konvensyen Pemodenan Lesen Perniagaan PBT di sini hari ini.

Yang hadir sama Pengarah Bahagian Produktiviti dan Daya Saing MPC, Dr. Daud Talib.

Abdul Latif berkata, dalam RMK-11, kerajaan memberi fokus untuk mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan dengan mengutamakan rakyat dan memanfaatkan PBT untuk menyediakan perkhidmatan berkualiti.

Beliau berkata, inisiatif tersebut diharap dapat membantu melaksanakan dua bidang fokus dan teras yang dinyatakan di dalam RMK-11 tersebut.

Dalam pada itu katanya, beliau dimaklumkan bahawa Pahang antara negeri terawal menerima dan melaksanakan program Pemodenan Lesen Perniagaan.

“Saya berharap melalui konvensyen ini, setiap PBT dapat berkongsi impak yang diperoleh supaya amalan baik yang dilaksanakan dapat menjadi penanda aras kepada PBT lain di negeri ini.

“Bagi MPC, kita sentiasa mengalu-alukan kerjasama seperti ini supaya penyampaian perkhidmatan kerajaan dapat ditingkatkan

<b>Headline</b>	<b>Pemodenan Lesen Perniagaan semua PBT</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Utusan Malaysia</b>		
<b>Date</b>	<b>01 Dec 2016</b>	<b>Color</b>	<b>Black/white</b>
<b>Section</b>	<b>Dlm Negeri</b>	<b>Circulation</b>	<b>171,663</b>
<b>Page No</b>	<b>45</b>	<b>Readership</b>	<b>563,000</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>200 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 2,606</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 7,818</b>



**ABDUL LATIF  
ABU SEMAN**